


No. Rujukan : UNIMEL/NC/ADM/2022 (3)

Tarikh : 10 Jun 2022
10 Zulkaedah 1443H

Assalamualaikum wr.wb. / Salam sejahtera

Perkara	PELAKSANAAN KADAR BAHARU UNTUK YURAN PENGINAPAN, KEPADA SEMUA PELAJAR TEMPATAN, UNIVERSITI MELAKA
Kepada	Semua Mahasiswa/i, Universiti Melaka
Daripada	Naib Canselor
Salinan Kepada	TNC Hal Ehwal Pelajar & Alumni Pendaftar Bendahari Pengarah Akademik Semua Dekan Fakulti



Saya dengan segala hormatnya merujuk perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa, pihak Pengurusan Universiti Melaka (UNIMEL) telah melaksanakan penambahbaikan di Kompleks Kediaman Pelajar bagi tujuan memberikan keselesaan kepada semua mahasiswa/i. Antara penambahbaikan yang dilaksanakan adalah mengurangkan kapasiti pelajar di dalam 1 bilik iaitu hanya 2 orang sahaja berbanding 4 orang/ bilik sebelum ini. Selain itu, pihak pengurusan dalam proses meningkatkan capaian kemudahan internet di Kompleks Kediaman Pelajar.

3. Sehubungan itu, sejajar dengan penambahbaikan kemudahan dan peningkatan kos penyelenggaraan di Kompleks Kediaman Pelajar, caj yuran baharu untuk yuran penginapan akan dilaksanakan berkuatkuasa pada **Julai 2022**. Kadar baharu yuran penginapan untuk semua pelajar tempatan adalah seperti berikut :

JENIS BILIK	KADAR BAHARU YURAN PENGINAPAN (PELAJAR TEMPATAN)
Bilik 2 Orang (Bilik Air Di Luar) <i>*1 Katil Double</i>	RM 250.00 / orang / bulan
Bilik 2 Orang (Bilik Air Di Dalam) <i>*1 Katil Double</i>	RM 275.00 / orang / bulan
Bilik 2 Orang (Bilik Air Di Dalam) <i>*2 Katil Single</i>	RM 300.00 / orang / bulan


* Jumlah yuran penginapan adalah berdasarkan kepada tempoh pengajian pelajar setiap semester

4. Segala kerjasama dan perhatian dari semua pihak didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian. Wassalam.

“MELAKAKU MAJU JAYA, RAKYAT BAHAGIA, MENGGAMIT DUNIA”
“WASATIYYAH, BERILMU, BERINTEGRITI”

Saya yang menjalankan amanah,


(PROF. DR. ABDUL RAZAK BIN IBRAHIM)
Naib Canselor,
Universiti Melaka